

24 MAR 2000

PERBICARAAN ANWAR DITANGGUH KERANA GANGGUAN ELEKTRIK

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, di Mahkamah Tinggi di sini hari ini ditangguhkan sehingga Isnin ini berikutan gangguan bekalan elektrik.

Perbicaraan hari ini dijadualkan mendengar hujah Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail mengenai isu sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu memberi keterangan pada perbicaraan itu.

Pada 18 Feb lepas, Hakim Datuk Arifin Jaka memerintahkan pembelaan memfailkan affidavit berhubung kewajaran keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan bekas timbalannya itu.

Semalam mahkamah telah mendengar hujah peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar dan peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Sukma serta Abdul Gani yang membantah permohonan pembelaan, telah berhujah berhubung permohonan Sukma.

Hari ini Abdul Ghani dijangka menyambung hujahnya berhubung permohonan yang dikemukakan oleh Anwar pula.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya di sini pada pukul 7.45 malam, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu peribadi isteri bekas menteri kewangan itu di tempat dan pada masa yang sama.

-- BERNAMA
NHD SBB NMO